

SABAR DALAM MENGHADAPI RINTANGAN

إِنَّمَا يُوفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرُهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya: "...Sesungguhnya hanya orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa terkira banyaknya."

(Az-Zumar 39:10)

Dalam meniti perjalanan hidup di muka bumi Allah *Subhanahu wata'ala*, manusia tidak pernah terlepas daripada pelbagai bentuk ujian dan musibah yang datang daripada segenap penjuru kehidupan. Hakikat ini adalah suatu ketetapan Ilahi yang bertujuan menguji tahap keimanan, keteguhan hati, serta sejauh mana penyerahan diri (tawakal) seorang hamba dalam menguruskan segala urusan hidupnya dengan bergantung penuh kepada Allah.

Setiap ujian yang menimpa merupakan kasih sayang Allah terhadap hamba-Nya, kerana di sebalik kepayahan itu tersimpan peluang untuk meraih ganjaran yang tidak ternilai. Allah *Subhanahu wata'ala* menghendaki agar hamba-hamba-Nya mendekatkan diri dengan penuh keinsafan, memohon pertolongan-Nya, dan mengekalkan kesabaran dalam menghadapi cabaran kehidupan. Justeru, kesabaran yang dipelihara dalam keredhaan serta keimanan yang teguh merupakan wasilah untuk memperoleh rahmat dan pahala yang berlipat ganda, sebagaimana yang dijanjikan dalam firman-firman-Nya di dalam al-Qur'an.

Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

"...Sesiapa yang menjaga kehormatan dirinya, Allah akan memeliharanya. Sesiapa yang merasa cukup, Allah akan mencukupkannya. Sesiapa yang bersabar, Allah akan memberinya kesabaran. Dan tidak ada suatu pemberian yang lebih baik dan lebih luas daripada sifat sabar."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1503)

Hadis ini menunjukkan betapa besar kedudukan sabar dalam Islam. Bukan sahaja ia merupakan sifat terpuji, bahkan ia adalah anugerah yang paling agung yakni lebih besar daripada harta, kemewahan atau kedudukan. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* juga mengingatkan bahawa kesabaran adalah antara pemberian paling luas manfaatnya, baik di dunia mahupun di akhirat.

Imam al-Ghazali menyebut pendapat sebahagian ahli tasawwuf di dalam kitab *Ihya "ulum ad-Din"* bahawa orang yang bersabar itu terbahagi kepada 3 maqam (kedudukan) iaitu:

- 1) Maqam orang bertaubat, iaitu meninggalkan berkeluh kesah dalam menghadapi cubaan.
- 2) Maqam Zuhud, iaitu redha dalam apa jua perkara yang ditakdirkan oleh Allah Subhanahu wata'ala.
- 3) Maqam Siddiqin, iaitu cinta apa yang telah diciptakan oleh Allah Subhanahu wata'al ke atas dirinya. Ini merupakan maqam yang paling tertinggi dalam kategori maqam sabar.

Sabar dari sudut hukum terbahagi kepada empat iaitu:

- 1) **Wajib:** iaitu bersabar daripada melakukan perkara yang haram seperti menahan diri daripada melakukan zina dan seumpamanya.
- 2) **Sunat:** iaitu bersabar untuk dalam perkara yang makruh untuk dilakukan.
- 3) **Haram:** iaitu bersabar terhadap gangguan yang diharamkan adalah haram, seperti seseorang yang dipotong tangannya atau tangan anaknya lalu dia bersabar terhadapnya dalam keadaan diam.
Maksudnya, jika seseorang dizalimi dengan perbuatan yang jelas haram seperti dcederakan, diambil haknya atau disakiti secara zalim, maka tidak dibenarkan dia sekadar diam dan bersabar tanpa mengambil langkah untuk mencegah atau menuntut haknya, kerana membiarkan kezaliman berterusan juga termasuk dalam perkara yang tercela.
- 4) **Makruh:** iaitu Sabar merujuk kepada bentuk kesabaran terhadap suatu bentuk kemudaratan atau kezaliman yang dilarang atau tidak disukai dalam pandangan syarak.

Kelebihan sabar sangat besar di sisi Allah *Subhanahu wata'ala* kepada hamba-Nya. Maka alangkah rugi seseorang itu jika tidak melatih diri dan jiwanya untuk sentiasa bersabar dalam apa jua jenis cubaan yang dihadapi selagi perkara tersebut tidak bercanggah dengan syarak seperti yang telah dijelaskan.

Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ لَهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ؛ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

Maksudnya: "Sungguh menakjubkan urusan seorang mukmin. Sesungguhnya seluruh urusannya adalah kebaikan, dan perkara ini tidak berlaku melainkan kepada seorang mukmin sahaja. Sekiranya dia memperoleh kesenangan, maka dia bersyukur, lalu syukur itu menjadi kebaikan baginya. Dan sekiranya dia ditimpa kesusahan, maka dia bersabar, lalu sabar itu juga menjadi kebaikan baginya."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2999)

Ini menunjukkan bahawa segala yang berlaku kepada seorang mukmin adalah baik, selagi dia bersikap sabar dan redha.

Perlu difahami bahawa sabar dalam Islam tidak bererti menyerah kalah atau hanya berdiam diri. Sabar adalah ketabahan, kecekalan, dan usaha berterusan dalam menghadapi cabaran hidup. Ia adalah keyakinan terhadap janji Allah *Subhanahu wata'ala* bahawa di sebalik setiap kesusahan pasti ada kemudahan, sebagaimana yang disebut dalam surah al-Insyirah:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya: "Maka sesungguhnya (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa setiap kesukaran disertai kemudahan."

(Surah asy-Syarh 94:5)

Marilah kita bersama-sama menanam sifat sabar dalam diri kita terutama dalam beribadah, menahan nafsu dan dalam menghadapi segala ujian. Sesungguhnya, Allah *Subhanahu wata'ala* bersama dengan orang yang bersabar dan tidak akan mensia-siakan kesabaran hamba-Nya.

Wallahu'alam.